



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka
Tel : 06-331 6188 Faks : 06-331 6115
E-mail : bendahari@utem.edu.my



PEJABAT BENDAHARI



Ruj. Kami (Our Ref) : UTeM.03.02/10.12/3/2 Jld. 2 (29)
Ruj. Tuan (Your Ref) :

23 Julai 2010
II Syaaban 1431H

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 6/2010

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan,

PERUBAHAN HAD NILAI PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA DAN PINDAAN KEAHLIAN JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL DI SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai pemakaian Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2009 mengenai perubahan had nilai perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Pekeliling Bendahari (UTeM) Bil. 1/2007, Surat Pekeliling Bendahari Bil 5/2008 dan Surat Pekeliling Bendahari Bil. 6/2008 hendaklah dirujuk bersekali.
- 1.2 Surat Pekeliling ini juga ingin memaklumkan pindaan kepada keahlian Jawatankuasa Penilaian Teknikal PTJ sepertimana dalam Surat Pekeliling Bendahari Bil. 2/2009.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah menaikkan had nilai perolehan secara sebut harga daripada RM200,000 kepada RM500,000 bagi merangsang ekonomi negara dan mempercepatkan pelaksanaan perolehan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2009.

- 2.2 Sehubungan dengan ini, Kerajaan telah memperincikan tatacara pengurusan perolehan sebut harga dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya tatacara yang ditetapkan.
- 2.3 Pejabat Bendahari telah mula menerima pakai Pekeliling Bendahari (UTeM) Bil. 1/2007 berkaitan Tatacara Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan UTeM yang menerangkan tatacara perolehan yang perlu dipatuhi oleh semua Pusat Tanggungjawab.
- 2.4 Pekeliling Bendahari (UTeM) Bil. 1/2007 tersebut juga menjelaskan perolehan bekalan dan perkhidmatan bernilai melebihi RM50,000 hingga RM200,000 dan perolehan kerja bernilai melebihi RM20,000 hingga RM200,000 dilaksanakan secara sebut harga. Perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melebihi RM200,000 perlu dilaksanakan secara tender.
- 2.5 Walau bagaimanapun had nilai ini telah dinaikkan daripada sehingga RM200,000 kepada RM500,000 melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2009. Penjelasan terperinci berkaitan perubahan had nilai serta perubahan syarat-syarat yang berkaitan perolehan sebut harga melalui surat pekeling berkenaan.
- 2.6 Jawatankuasa Sebut Harga Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja Universiti telah memutuskan supaya diadakan penambahbaikan terhadap proses penilaian teknikal di semua pusat tanggungjawab dengan menambahkan keahlian wakil daripada pusat tanggungjawab yang lain yang dilantik.

3.0 HAD NILAI SECARA SEBUT HARGA

3.1 Perolehan Bekalan/Perkhidmatan

- 3.1.1 Perolehan bekalan/perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM100,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) pembuat/pembekal tempatan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan.
- 3.1.2 Perolehan bekalan/perkhidmatan yang bernilai melebihi RM100,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) pembuat/pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan. Sebut harga terbuka kepada pembuat/pembekal bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera.

4.0 BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 4.1 Pekeliling Bendahari Bil. 1/2007 telah menetapkan bayaran penjualan dokumen sebut harga ditetapkan kepada RM10.00 senaskah.

- 4.2 Walau bagaimanapun melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan 5/2009 menetapkan kadar harga semuka dokumen hendaklah mengikut kadar sepertimana ditetapkan bagi dokumen tender (Surat Pekeling Perbendaharaan Bil. 5/2007) tertakluk kepada bayaran maksimum RM50.00 bagi satu (1) set dokumen sebut harga.

5.0 TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA

- 5.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan 5/2009 menyatakan bahawa tempoh sah laku tawaran sebut harga adalah tidak melebihi 90 hari dari tarikh tutup sebut harga dan bergantung kepada kompleksiti sebut harga yang dilaksanakan. Tempoh sah laku tawaran sebut harga juga tidak boleh dilanjutkan. Jika tempoh sah laku tawaran telah tamat atau keputusan tidak dibuat dalam tempoh sah laku tawaran, sebut harga tersebut hendaklah dipelawa semula.
- 5.2 Kelulusan daripada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja boleh diterimapakai bagi perlanjutan sebut harga tanpa perlu sesuatu sebut harga itu dikeluarkan semula dengan syarat tiada perubahan spesifikasi.
- 5.3 Namun begitu, pengesahan tawaran harga perlu disemak semula kepada semua pembekal sebut harga tersebut.

6.0 PINDAAN KEAHLIAN JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL PTJ

- 6.1 Jawatankuasa Penilaian Teknikal PTJ adalah dipinda dan terdiri daripada;

Pengerusi	Ketua PTJ
Ahli Jawatankuasa	Pegawai-pegawai di Pusat Tanggungjawab (Minimum Dua (2) orang pegawai) Pemohon (Bergantung kepada sebut harga atau tender yang dikeluarkan) Seorang wakil dari Jawatankuasa Penilaian Teknikal Pusat Tanggungjawab lain yang dilantik
Urus Setia	Pentadbiran PTJ

- 6.2 Perlantikan semua keahlian Jawatankuasa Penilaian Teknikal PTJ akan diperakukan oleh Naib Canselor.
- 6.3 Tugas jawatankuasa penilaian teknikal PTJ adalah merujuk sepertimana di dalam Surat Pekeliling Bendahari Bil. 2/2009.

7.0 TANGGUNGJAWAB

- 7.1 Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah memastikan surat pekeliling ini dipatuhi sepenuhnya.
- 7.2 Pelaksanaan perkara-perkara yang *tidak dibenarkan* di dalam Pekeliling-Pekeliling Bendahari yang dikeluarkan hendaklah mendapat kelulusan Y. Bhg. Naib Canselor UTeM.


8.0 TARIKH KUAT KUASA

- 8.1 Perubahan had nilai ini telahpun diterimapakai oleh universiti melalui kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2009 manakala penubuhan jawatankuasa penilaian teknikal di pusat tanggungjawab adalah berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2010.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari
Pejabat Bendahari
 06-555 2006

s.k. Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)